

Jambatan darat Thailand babit kerjasama Malaysia

Projek pelabuhan pintas Selat Melaka turut beri manfaat negeri utara Semenanjung

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
hifzuddin@bh.com.my

Bukit Kayu Hitam: Kerajaan Thailand memberi jaminan pembinaan pelabuhan dan jambatan darat yang dirancang dibina bagi memintas laluan perkapalan di Selat Melaka akan turut membabitkan kerjasama Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Kerajaan Thailand menjelaskan pembinaan jambatan darat di selatan Thailand itu masih pada peringkat awal, namun ia dijangka turut memberi manfaat kepada Malaysia.

Katanya, setakat ini Malaysia belum memutuskan, sama ada akan menyertai projek terabit atau mendapatkan ekuiti dalam rancangan pembinaan pelabuhan dan jambatan darat yang dianggar bernilai berbilion ringgit itu.

Projek yang dijangka mengambil masa lapan tahun untuk disiapkan itu turut membabitkan pembinaan dua pelabuhan laut dalam, masing-masing Chumphon dan Ranong, selain jalan darat menghubungkan kedua-dua lokasi itu.

"Jambatan darat itu masih pada peringkat awal, dalam perbincangan tadi (semalam), Perdana Menteri Thailand sebut akan babitkan Malaysia dan ia akan turut beri manfaat kepada Malaysia, terutama utara Semenanjung.

"Bagi kita ada faedah dan manfaat kemudahan di situ, cuma secara terperinci, sama ada kita akan menyertainya atau ada ekuiti masih terlalu awal," katanya pada sidang media di Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (CIQS) Bukit Kayu Hitam, di sini, semalam.

Anwar melakukan lawatan kerja ke Sadao, Thailand serta mengadakan pertemuan dan perbincangan tertutup bersama Perdana Menteri Thailand, Srettha Thavisin.

Sebelum ini, Thailand mengemukakan cadangan projek membina pelabuhan dan jambatan darat itu bagi mengurangkan masa perkapalan antara Lautan Hindi dan Pasifik dengan mengelak Selat Melaka, antara laluan laut paling sibuk di dunia.

Pendekkan masa perjalanan

Srettha dilaporkan memberitahu pelabur di San Francisco baru-baru ini bahawa projek itu boleh memendekkan masa perjalanan kira-kira empat hari dan mengurangkan perbelanjaan perkapalan sebanyak 15 peratus.

Dalam pertemuan itu, kedua-dua pemimpin turut melawat Kompleks CIQS Sadao, Thailand yang masih dalam proses pembinaan dan membincangkan isu berkaitan jajaran baharu laluan pintu masuk utama darat antara dua negara terbabit.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, Malaysia komited menyelesaikan isu jajaran baharu berkenaan bagi menyelesaikan masalah kesesakan trafik yang berlarutan di pintu sempadan sedia ada ketika ini.

Katanya, pembinaan laluan baharu itu diyakini mampu memacu pertumbuhan ekonomi kedua negara terutama di kawasan sempadan dan memberi manfaat kepada rakyat kedua negara.

"Kalau kita lihat (pembinaan) di CIQS Sadao lebih cepat berbanding kita walaupun CIQS



kita lebih awal (siap) daripada Thailand, yang tertangguh adalah jalan yang perlu kita siapkan segera tapi mengambil sedikit masa kerana menyentuh laluan kawasan tentera.

"Kita akan berunding dalam tempoh dua minggu untuk memuktamadkan, saya tak mahu perkara ini tertangguh lagi kerana sikap kerajaan Thailand sekarang lebih lunak dan akrab untuk menjadikan kawasan utara semenanjung dan selatan Thailand sebagai kawasan pertumbuhan baharu," katanya.

Anwar berkata, Malaysia turut menyatakan hasrat meneruskan rancangan pembinaan

baharu Rantau Panjang menyeberang Sungai Golok yang belum dapat dilaksanakan sehingga kini.

"Jambatan Rantau Panjang ke Golok kita sudah bersedia dan tunggu Perdana Menteri Thailand beri jawapan kerana keputusan perbincangan adalah untuk ia dilaksanakan selewat-lewatnya tahun hadapan.

"Sekiranya Thailand setuju, kita boleh dapatkan kelulusan Laporan Impak Alam Sekitar (EIA) dan segerakan pembinaan jambatan, saya akan maklumkan kepada Kabinet Jumaat ini untuk segerakan perkara ini," katanya.